

**Najib nafi Kabinet putuskan gugur ruangan kaum dalam borang rasmi kerajaan**  
**Malaysian Insider**  
**May 8, 2014**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, menafikan Kabinet membuat keputusan menggugurkan ruangan kaum dalam borang rasmi kerajaan.

Perdana menteri berkata, Kabinet sebaliknya membuat keputusan untuk mengekalkan amalan sedia ada untuk memastikan setiap kaum mendapat pertimbangan yang adil dan tidak ketinggalan dalam dasar kerajaan.

"Kenyataan itu tidak tepat, memang kita ada bincang dalam Kabinet tetapi keputusan kita adalah kekal," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Rumah Umno Taiping di Taiping, Perak hari ini.

Menurut akhbar Berita Harian, Najib berkata, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu Belaun, akan mengeluarkan kenyataan hari ini bagi memperbetul kenyataannya yang disiarkan media sebelum ini selain memohon maaf atas kesilapan itu.

Berita Harian hari ini menyiarkan kenyataan Belaun yang mendakwa ruangan kaum dalam borang rasmi kerajaan yang tiada nilai tambah digugurkan.

Katanya, pendekatan itu bagi memudahkan orang ramai untuk berurusan dengan kerajaan, selain dapat memupuk budaya keterangkuman dalam kalangan pelbagai kaum yang berbeza di negara ini.

"Umpamanya, borang kerajaan berkaitan kebajikan tidak memerlukan ruangan 'kaum' kerana setiap keputusan yang dibuat selepas itu adalah berdasarkan kepada keperluan, bukannya berasaskan kaum. Justeru, maklumat mengenai kaum tidak diperlukan," kata Belaun seperti dilaporkan Berita Harian hari ini. – 8 Mei, 2014.